

Headline	FRIM, Bumi Armada pakat pulihara hutan		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	11 Oct 2012	Color	Black/white
Section	Ekonomi	Circulation	192,982
Page No	b8	Readership	1,521,000
Language	Malay	ArticleSize	101 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,765
Frequency	Daily	PR Value	RM 5,295



# FRIM, Bumi Armada pakat pulihara hutan

**Kuala Lumpur:** Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) semalam melancarkan program pemuliharaan atau pengimbangan karbon pertama di Malaysia menerusi kerjasama serta penajaan daripada Bumi Armada Bhd berjumlah RM107,000.

Projek usaha sama itu membabitkan pemulihan karbon tersimpan di tapak Field 11 seluas 5.6 hektar di Kampus FRIM di Kepong yang mengandungi kepelbagaian biologi hutan dan akan meliputi kredit karbon daripada pemuliharaan hutan di tapak terbabit untuk tempoh lima tahun.

## Perubahaan iklim

Ketua Pengarah FRIM, Datuk Dr Abd Latif Mohmod, berkata sumbangan Bumi Armada, iaitu penyedia perkhidmatan lapangan minyak luar pesisir antarabangsa yang berpangkalan di Malaysia, akan digunakan FRIM untuk aktiviti berkaitan pemuliharaan hutan dan perubahan iklim.

Beliau berkata, pengurangan pelepasan karbon dioksida (CO<sub>2</sub>) adalah penting dalam usaha untuk mengurangkan potensi kesan buruk perubahan iklim yang dihadapi oleh masyarakat global masa kini.

“Pengimbangan karbon lazimnya membabitkan projek penggunaan tenaga boleh diperbaharui, kecekapan tenaga dan perhutanan semula,” katanya pada majlis memeterai perjanjian antara FRIM dengan Bumi Armada di Kampus FRIM di sini, semalam.

Pada majlis itu Abd Latif memeterai perjanjian bagi pihak FRIM, manakala Bumi Armada diwakili Ketua Eksekutif, Hassan Basma.